



**Suruhanjaya Tenaga
Energy Commission**

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990 [AKTA 447]

ARAHAN SURUHANJAYA TENAGA BILANGAN 6 TAHUN 2022

Arahan/ST/No. 6 /2022

PADA menjalankan kuasa di bawah subseksyen 50C(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447], Suruhanjaya Tenaga ("Suruhanjaya") mengeluarkan Arahan yang berikut:

1. Nama dan permulaan kuat kuasa

- 1.1. Arahan ini bolehlah dinamakan Arahan Pelaksanaan Pemeriksaan, Pengujian dan Penentukuran Geganti dan Peranti Pelindung bagi suatu Pepasangan Elektrik.
- 1.2. Arahan ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya didaftarkan.

2. Pemakaian

- 2.3 Arahan ini hendaklah terpakai kepada orang kompeten yang menjalankan pemeriksaan, pengujian dan penentukuran bagi geganti dan peranti pelindung sesuatu pepasangan di bawah subperaturan 110(4) Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 [P.U.(A) 38/1994].

3. Pelaksanaan

- 3.1 Selaras dengan subperaturan 110(4) Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 yang memperuntukkan kehendak bagi pemeriksaan, pengujian dan penentukuran oleh orang kompeten bagi mana-mana geganti dan peranti pelindung sesuatu pepasangan, Suruhanjaya dengan ini mengarahkan bahawa pemeriksaan, pengujian dan penentukuran bagi geganti dan peranti pelindung sesuatu pepasangan oleh orang kompeten hendaklah dilaksanakan seperti berikut:

No.	Geganti dan peranti pelindung	Pelaksanaan
3.1.1	Elektromekanikal	Pemeriksaan, pengujian dan penentukuran dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setiap dua tahun.
3.1.2	<i>Static</i> dan <i>Numerical</i>	Pemeriksaan dan pengujian dilaksanakan sekurang-

		kurangnya sekali setiap empat tahun tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 3.2 Arahan ini.
--	--	---

- 3.2 Berikut adalah syarat-syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya bagi geganti dan peranti pelindung jenis *Static* dan *Numerical*:
- a) Geganti dan peranti pelindung tidak terlibat dengan apa-apa kemalangan dalam masa empat tahun (*Accident/fault free*);
 - b) Rekod penyenggaraan pepasangan hendaklah disimpan dan mudah diakses pada bila-bila masa jika diperlukan;
 - c) Inventori yang lengkap berkaitan geganti dan peranti pelindung seperti voltan, usia, tahap kritikal dan perkara lain yang berkaitan dengannya;
 - d) Geganti dan peranti pelindung jenis *Numerical* hendaklah mempunyai ciri-ciri (*features*) seperti berikut;
 - (i) *Internal self-diagnostic/ self-test function*
 - (ii) *Condition-based monitoring (manned watchdog alarm)*
 - (iii) *Alarming for power supply failure and change of settings*

4. Kesalahan

Mana-mana orang yang tidak mematuhi Arahan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

5. Pindaan

Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa mengubah, meminda dan membatalkan Arahan ini.

Tarikh Pendaftaran: 4 April 2022



Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Tenaga